

Ekuinas suntik RM400j

■ Pelaburan dalam dua industri beri kesan positif kepada ekonomi negara

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengembangkan portfolionya apabila mengumumkan pelaburan bernilai RM400 juta dalam dua syarikat, Orkim Sdn Bhd (Orkim) and Coolblog Sdn Bhd (Coolblog).

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, pelaburan bagi dua industri iaitu minyak dan gas serta makanan dan minuman itu memberi landasan kepada Ekuinas untuk membangunkan syarikat terbabit.

Katanya, Ekuinas melabur sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh sehingga 95.5 peratus kepentingan dalam Orkim, syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) yang terkemuka di Malaysia.

"Sebanyak RM50.8 juta lagi diperuntukkan untuk memperoleh kepentingan 60 peratus ekuiti dalam

CoolBlog, syarikat francais pakar manisan dan minuman yang dibangunkan dalam negara.

"Pelaburan dalam Orkim menandakan pembabitan sulung Ekuinas dalam industri pengangkutan petroleum yang mempunyai ciri pertumbuhan industri menggalakkan terutama-

nya dalam pengangkutan Gas Petroleum Cecair, bidang yang kini dikuasai syarikat asing," katanya dalam kenyataan dikeluarkan.

Menurutnya, Ekuinas juga komited untuk mentransformasikan syarikat Malaysia bersaiz sederhana menjadi syarikat peneraju pasa-

“Ekuinas membantu kemasukan modal berjumlah RM2.8 bilion ke dalam ekonomi negara yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia”

Raja Arshad Raja Tun Uda



ran pada masa akan datang.

Beliau berkata, dengan dua pelaburan baru ini dan juga pelaburan yang dibuat oleh rakan Program Penyumberaan Luar, Ekuinas melaksanakan pelaburan bernilai RM450.1 juta setakat ini bagi tahun kewangan 2014.

"Ini menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan

Ekuinas setakat ini sebanyak RM2.3 bilion dalam 28 syarikat dengan modal pelabur swasta, Ekuinas membantu kemasukan modal berjumlah RM2.8 bilion ke dalam ekonomi negara yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia," katanya.